



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْهَوَالِ اِكَامَةِ اِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

11 ZULKAEDAH 1446H/ 09 MEI 2025M

“SENTUHAN KASIH IBU”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Malaysia (LPPKN)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

* وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾
(الإسراء: 23)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan perkara yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan kita semua akan diberikan ganjaran pahala serta diberikan keluasaan rezeki dan nikmat sama ada di dunia mahu pun di akhirat. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah bertajuk “**SENTUHAN KASIH IBU**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ibu adalah insan mulia. Kedudukannya tiada taranya. Rasulullah S.A.W mengingatkan bahawa ibu merupakan insan yang paling berhak menerima kebaikan berupa kasih sayang berbanding bapa. Sekiranya berlaku pertembungan keperluan antara ibu dan bapa dalam mendapat khidmat anaknya, maka ibulah yang lebih utama. Mulianya ibu bukan sahaja kerana dia yang mengandung, melahirkan, menyusukan tetapi kerana ketabahan membesarkan, mengasuh dan mendidik anak-anak sehingga menjadi dewasa. Hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud: *“Seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: Wahai Rasulullah S.A.W, siapakah insan yang paling berhak aku hormati dengan baik? Baginda bersabda: Ibumu. Lelaki itu bertanya lagi: Kemudian siapa? Baginda menjawab: Ibumu. Lelaki itu bertanya lagi: Kemudian siapa? Baginda menjawab: Ibumu. Lelaki bertanya lagi: Kemudian siapa? Baginda menjawab: Bapamu”.* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dua sebab mengapa Islam lebih mengutamakan ibu daripada bapa adalah kerana; **Pertama** : Sesungguhnya perhatian seorang ibu dari sudut penjagaan anak-anak bermula dengan mengandung, melahirkan, menyusukan, mebesarkan, mendidik dan segala tanggungjawab yang berkaitan adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan bapa. **Kedua** : Sesungguhnya perhatian seorang ibu dari sudut perasaan seperti rasa cinta, kasih sayang dan rasa bertimbang rasa terhadap anak-anaknya lebih mendalam daripada bapa.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Disebutkan bahawa seorang ibu mampu membesarkan anak yang ramai, namun ibu yang seorang belum tentu dapat dijaga oleh anak yang ramai. Inilah realiti yang berlaku dalam kehidupan hari ini. Ramainya anak-anak yang menderhaka kepada ibu bapa, jauh sekali untuk berbuat baik kepada kedua-duanya. Hakikat yang tidak dapat disangkal adalah, berbuat baik dan berbakti kepada kedua ibu bapa bukanlah sesuatu yang ringan dan mudah. Kerana itu Islam menawarkan nilai pahala yang amat besar juga. Berbuat baik kepada ibu merupakan ibadah yang tinggi nilai dan kedudukannya. Seheinggakan pada waktu dan keadaan tertentu berbuat baik kepada ibu lebih utama dari keluar berjihad di medan perang. Rasulullah S.A.W bersabda yang **bermaksud**: *“Sesungguhnya Jahimah telah datang kepada Rasulullah S.A.W dan bertanya: Wahai Rasulullah!, aku ingin keluar berperang dan sesungguhnya aku datang untuk meminta pandangan-mu. Nabi S.A.W bertanya: Apakah kamu mempunyai ibu?” Jawabnya: Ya!. Sabda Baginda: “Dampingilah (berbuat baik kepada) dia!”, sesungguhnya syurga berada di bawah dua kakinya”.* **(Riwayat al-Nasai’e)**

Beberapa cara untuk berbuat baik kepada ibu adalah:

Pertama : Bergaul dengan baik. Berbuat baik dan bergaul dengan baik kepada ibu adalah wajib walaupun mereka tidak beragama Islam. Sesungguhnya berbuat baik kepada ibu adalah yang kedua tinggi kedudukannya selepas tuntutan menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT sepertimana di dalam Surah Al Isra’: 23 :

* وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ
الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا
كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

Kedua : Menggembirakan ibu. Berbuat baik kepada ibu merupakan sesuatu yang sukar. Oleh itu, cubalah "untuk membahagiakan" mereka. Janganlah membiarkan mereka dalam keadaan sedih. Hadis daripada Abdullah bin Amr, **yang bermaksud:** “Pulanglah kepada mereka berdua, dan gembirakanlah mereka semula sebagaimana kamu telah menjadikan mereka menangis”. (Riwayat al-Nasa’ie)

Ketiga : Berkata dengan lemah lembut. Tutur kata seseorang dengan ibunya adalah yang terbaik dan paling lemah lembut berbanding tutur kata atau bicaranya sesama anak, rakan, isteri dan yang lain. Berdasarkan adab Islam, perkataan yang boleh menyinggung perasaan ibu tidak boleh diungkapkan, apa lagi mencemuh, mencaci atau melaknat mereka.

Keempat : Tunduk merendah diri dan mendoakan kesejahteraan mereka berdua. Seorang anak yang telah berjaya dalam hidupnya dengan mencapai kedudukan, pangkat atau sebagainya janganlah dia melupakan kasih dan bakti kepada ibu. Tanpa mereka mana mungkin kita akan mencapai segalanya.

Kelima : Berbuat baik selepas kematian mereka boleh dilaksanakan dengan berdoa dan memohon keampunan, bersedekah di atas nama mereka, menyambung silaturahim dan berbuat baik kepada rakan-rakan serta kenalan mereka.

SIDANG JUMAAT YANG DIREDAI ALLAH

Kita sebagai anak perlulah memberi perhatian kepada ibu. Bantu dan sokonglah ibu sebaik-baiknya tidak kira dari segi material, fizikal mahupun emosi. Usah biarkan ibu kita berada dalam keadaan sendirian. Patuh dan ikut segala nasihat dan permintaan mereka selagi ia tidak bertentangan dengan syariat Islam. Kita juga berperanan untuk menegur ibu jika mereka membuat sebarang kesilapan tersasar daripada batasan disyariatkan Islam dan norma budaya serta masyarakat.

Bagi anak-anak yang berjauhan dengan ibu, jenguklah mereka selalu atau setidak-tidaknya keraplah bertanyakan khabar berita.

Justeru, marilah para jemaah sekalian sama-sama kita mengutip ladang pahala dengan berbakti kepada ibu kita khasnya dan bapa kita juga. Sedekahkanlah Al Fatihah jika mereka telah kembali ke Rahmatullah mudah-mudahan roh mereka ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH

Sebelum khatib menokhtahkan khutbah minggu ini, khatib ingin meninggalkan persoalan ini untuk direnungkan bersama. Apakah kita pernah memegang tangan ibu dan berkata “aku sayang ibu.” Apakah suasana kehidupan kita akan sama andainya sosok tubuh ibu ini sudah tiada lagi pada esok hari. Sayangilah dan kenanglah kedua ibu bapa kita dalam doa kita seharian. Allah SWT berfirman dalam surah al-Isra’ ayat 24:

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي

هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي سَرِي قَادُوك بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ الْخَوْغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتَوَانِ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat

secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.